

TEKS AMANAT BENDAHARI UiTM TAHUN 2026

TEMA:

“AMANAH, TERAS KEPIMPINAN KEWANGAN”

Oleh:

YANG BERUSAHA

CIK JUNITA BINTI JAMALUDIN C.A. (M), ACMA, CGMA

BENDAHARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TARIKH : 03 FEBRUARI 2026 / MASA : 3.30 PETANG
TEMPAT : AUDITORIUM PERDANA, ILD UiTM BANDAR
ENSTEK, NILAI, NEGERI SEMBILAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Salam Malaysia MADANI, Salam UiTM Di Hatiku

Yang saya hormati, Barisan Pengurusan Kanan

Dan yang amat saya kasihi, Warga Jabatan Bendahari sekalian

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada hari ini dalam satu program yang amat bermakna, bagi menyatukan hala tuju, memperteguhkan tekad, serta menyelaraskan gerak kerja Jabatan Bendahari dalam mendepani pelbagai cabaran.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Jabatan Bendahari atas komitmen, dedikasi dan profesionalisme dalam memastikan pengurusan kewangan universiti kekal teratur, berintegriti dan berdaya tahan.

Tahun 2025 telah menyaksikan, keazaman dan kesungguhan kita menangani cabaran tahun 2024. Dengan amanah, disiplin dan semangat kebersamaan, kita telah menzahirkan kejayaan dalam pengurusan kewangan UiTM.

Hadirin yang dikasihi,

Alhamdulillah, kita kini berada dalam bulan Sya'ban. Bulan persiapan menuju Ramadhan. Masa untuk kita bermuhasabah diri dan memperbaiki niat dalam setiap tanggungjawab yang diamanahkan.

Marilah kita berdoa agar segala amanah dan tanggungjawab yang kita galas ini diberkati Allah, diterima sebagai amal ibadah yang ikhlas dan memberi manfaat berterusan kepada seluruh warga UiTM.

Pada tahun 2025, kita telah kehilangan seorang sahabat, Allahyarhamah Puan Shree Rozeanne Sulaiman dari UiTM Kampus Puncak Alam. Sama-samalah kita hadiahkan pahala bacaan Ummul Kitab, Al-Fatihah. Semoga rohnya sentiasa dalam rahmat Allah.

Amin, amin Ya Rabbal 'Alamin.

Kepada rakan-rakan staf yang sedang berdepan ujian kesihatan, teruslah tabah. Sesungguhnya setiap ujian adalah tanda kasih sayang Allah SWT yang mengandungi hikmah. Kami sentiasa mendoakan semoga Allah SWT mengangkat segala kesakitan, menggantikan dengan kesihatan yang lebih baik, agar rakan-rakan staf dapat kembali bersama kami menjulang amanah perkhidmatan.

Kepada sembilan orang warga Jabatan Bendahari yang akan menamatkan perkhidmatan di UiTM pada tahun ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih. Keikhlasan bakti dan jasa tuan/puan akan terus dikenang, dan menjadi contoh kepada warga jabatan. Menjadi amal jariah yang dibalas sebaik-baik ganjaran oleh Allah SWT. Selamat bersara dan selamat menikmati masa berkualiti bersama keluarga, melakukan perkara-perkara yang diminati. Sentiasa sihat dan bahagia berpanjangan.

Tahun lepas, kita telah menerima kehadiran lapan orang ahli baharu dalam keluarga Jabatan Bendahari. Selamat datang dan selamat menjalankan tugas. Saya berharap tuan / puan dapat melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah dan menggunakan pengalaman sedia ada untuk kecemerlangan Jabatan Bendahari.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada enam orang warga yang telah menerima pelantikan ke jawatan tetap. Terimalah pelantikan ini dengan motivasi untuk mendukung

amanah, dan terus menyumbang kepada kecemerlangan Jabatan Bendahari dan UiTM secara keseluruhannya.

Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) telah memberi kepercayaan kepada sepuluh orang pegawai untuk memangku kenaikan pangkat one off ke gred WA12 pada tahun 2025. Semoga kepercayaan ini terus menjadi pembakar semangat tuan/puan membantu kepimpinan jabatan dengan penuh amanah dan berwibawa.

Tahniah buat tujuh orang warga yang telah memperoleh kenaikan pangkat pada tahun 2025. Semoga terus berjaya dan dipermudahkan segala urusan dalam membantu kecemerlangan jabatan.

Tahniah juga diucapkan di atas pencapaian Cik Nur Natasha Aliea yang telah berjaya memperoleh sijil profesional ACCA. Begitu juga dengan 9 orang pegawai yang telah berjaya memperoleh pengiktirafan sebagai Chartered Accountant dari Malaysia Institute of Accountant.

Menuntut ilmu tidak mengenal batas waktu dan usia. Oleh itu, saya dengan rasa besar hati, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada enam orang warga jabatan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian tinggi mereka. TAHNIAH saya ucapkan!

Tahniah kepada Yang Mulia Tengku Zainal, atas Anugerah Ikon Positif peringkat UiTM Selangor, Kampus Sungai Buloh dan Muhammad Azzuan, yang telah menerima Anugerah Perak, untuk Anugerah Pentadbir UiTM Kategori Kecergasan. Semoga anugerah ini menjadi sumber inspirasi kepada warga yang lain.

Pada tahun 2025, seramai dua belas orang warga telah lulus peperiksaan BITK. Ini merupakan bilangan tertinggi dalam rekod Jabatan Bendahari. Semoga kejayaan ini terus menjadi pelonjak prestasi, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Tahniah saya ucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Buat julung kalinya pada tahun 2025, Jabatan Bendahari telah memperuntukkan Anugerah Khas Bendahari, bagi 11 kategori individu dan 5 kategori Bahagian/Kampus Cawangan, serta 7 kategori untuk Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan. Ketahuilah bahawa setiap sumbangan dan kesungguhan usaha tetap dikenang dan dihargai, kerana tuan/puan adalah nadi penggerak dan pemacu kecemerlangan Jabatan Bendahari.

Warga Jabatan Bendahari, bukan sekadar jaguh dalam pengurusan kewangan. Malah jaguh dalam lapangan sukan melalui pelbagai pencapaian yang membanggakan. Semoga kecemerlangan ini diteruskan, untuk mengharumkan nama Jabatan Bendahari. Tahniah semua!

Endowmen adalah sumber alternatif pendanaan universiti. Alhamdulillah, UiTM telah memperolehi kelulusan pengecualian cukai bagi sumbangan endowmen di bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967, mulai 1 Julai 2025 sehingga 30 Jun 2030. Semoga kelulusan ini membuka peluang yang lebih besar bagi Jabatan Bendahari memperkasa strategi pendanaan.

Buat kali ke-25 berturut-turut, Jabatan Bendahari UiTM, telah memperoleh Sijil Audit Bersih daripada Jabatan Audit Negara. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah. Pencapaian ini, adalah manifestasi komitmen, disiplin berterusan dan sinergi seluruh warga jabatan. Semoga kita dapat mengekalkan tadbir urus kewangan yang cemerlang, serta mempertahankan Sijil Audit Bersih pada tahun-tahun mendatang.

Kita juga bersyukur kerana peruntukan Geran Mengurus UiTM bagi tahun 2026 telah diluluskan dengan peningkatan sebanyak 12.7% berbanding tahun 2025. Alhamdulillah, terima kasih kepada Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan pihak-pihak yang berkaitan.

Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada pasukan Jawatankuasa Kelab Kebajikan Jabatan Bendahari 2025. Kami amat menghargai sokongan, usaha dan keprihatinan Kelab dalam menguruskan hal ehwal kebajikan kakitangan serta menganjurkan program dan aktiviti sosial, komuniti dan sukan. Terima kasih, dan syabas!

Warga Jabatan Bendahari yang saya kasihi.

Saya amat bersyukur dan berterima kasih atas semangat kebersamaan yang ditunjukkan oleh semua warga dalam pelbagai aktiviti serta inisiatif universiti dan jabatan. Contohnya, kita telah menyertai program Briskwalk, UiTM Happiness Walk, Sukan Rakyat Jabatan Bendahari dan makan malam anjuran Kelab Kebajikan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas, kerana kita telah meraih gelaran Naib Juara Anugerah Kualiti Naib Canselor Kategori Jabatan, bagi tahun 2025. Saya, sentiasa percaya bahawa kita telah memberikan yang terbaik. **DAN, KITA ADALAH YANG TERBAIK.** Hanya rezeki belum berpihak kepada kita. We will always take pride in our achievements, and remain confident in our collective capacity to succeed. Insya-Allah.

Warga Jabatan Bendahari yang saya kasihi sekalian.

Pada tahun ini, saya memilih surah Al-Fatihah dan Al-Asr untuk dibaca dalam amanat. Kerana saya ingin kita kembali kepada asas. *Get back to basic.* Dan mendalami semula perkara teras dalam kehidupan.

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ Ayat ke-5 dalam Surah Al-Fatihah, yang kita baca sekurang-kurangnya 17 kali sehari ini bermaksud, 'Hanya Engkaulah yang kami sembah, dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan'. Tugas adalah amanah. Apabila amanah ini kita tunaikan dengan ikhlas, jujur dan bersungguh-sungguh, ia menjadi ibadah. Dengan ibadah ini, semoga Allah mempermudah urusan serta memberkati hasil dan kejayaannya.

Ayat ke-6, **أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ** mengingatkan bahawa setiap keputusan, tindakan dan pengurusan masa hendaklah berada di landasan yang benar, dilaksanakan dengan integriti dan mendapat keberkatan.

Surah Al Asr pula mengingatkan kita tentang kepentingan masa. Allah berfirman, 'Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian'. Dalam konteks perkhidmatan, ayat ini mengingatkan, bahawa masa kerja adalah amanah. Setiap minit yang berlalu, perlu kita isi dengan nilai, produktiviti dan manfaat. Tanpa pengurusan masa yang baik, amanah yang digalas akan membawa kepada kecuaiian dan pembaziran.

Hadirin yang saya hormati,

Amanat saya pada hari ini bertemakan **“AMANAH, TERAS KEPIMPINAN KEWANGAN”**.

Naib Canselor UiTM dalam amanatnya pada 28 Januari 2025, menyebut, amanah besar pewujudan UiTM adalah untuk membina keupayaan anak bangsa melalui ilmu. Amanah UiTM kepada bumiputera ini akan terus dipertahankan dengan teras mandat negara, dalam peruntukan Akta 173 (Seksyen 1A) dan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, walau apa jua cabaran yang dihadapi.

Sebagai nadi kewangan UiTM, Jabatan Bendahari memikul amanah untuk memastikan universiti keramat ini, kekal menjadi benteng harapan anak bangsa, dengan keupayaan kewangan yang mampan dan lestari.

Hasrat ini hanya boleh direalisasikan, dengan kepimpinan, dan pengurusan kewangan yang amanah. Kerana itulah, amanat saya pada tahun ini, menekankan konsep amanah sebagai teras kepimpinan kewangan.

Bagi tahun 2026, Jabatan Bendahari menggariskan hala tuju strategik yang berpaksikan kepada tiga fokus utama, iaitu:

- **Kemampuan Kewangan Universiti,**
- **Governan dan Kepimpinan, serta**
- **Kecemerlangan Modal Insan.**

Ketiga-tiga fokus ini dikekalkan daripada Amanat Bendahari Tahun 2025. Kerana saya yakin, usaha yang kita rancang dan laksanakan, telah membuahkan hasil yang amat memberangsangkan. Namun, beberapa inisiatif telah disesuaikan, selaras dengan tema Amanat Bendahari 2026 agar lebih berkesan dalam mencapai matlamat yang dihasratkan.

Isi kandungan amanat ini juga selari dengan hala tuju dan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dan Yang Berbahagia Naib Canselor UiTM. Amanat saya pada hari ini juga diujarkan kepada Visi, Misi, Falsafah dan Objektif UiTM yang baharu.

Hadirin yang dihormati,

Fokus pertama hala tuju kita pada tahun ini, ialah **Kemampuan Kewangan Universiti.**

Bagi merealisasikan fokus ini, 3 strategi utama yang telah ditetapkan adalah **Pelaksanaan Fasa Pemulihan Pelan Kewangan, Pengukuhan Governan Penjanaan Pendapatan dan Peluasan Digitalisasi dalam Pengurusan Kewangan.**

Fasa Pemulihan akan bermula pada tahun ini sehingga 2030. Fasa ini bukan sekadar memulihkan kedudukan kewangan universiti, malah merupakan fasa penstrukturan semula yang strategik, serta berimpak tinggi, terhadap kelangsungan dan masa depan UiTM.

Terdapat tiga inisiatif dalam strategi ini. Pertama, **tumpuan kepada sokongan aktiviti akademik dan pembangunan pelajar.** Keutamaan diberikan kepada usaha melengkapkan ekosistem dan mengoptimumkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Ini adalah kerana, kemudahan PdP yang berkualiti, selamat dan kondusif, adalah asas kepada **penyampaian akademik yang berdaya saing, serta relevan dengan keperluan industri dan masyarakat.** Oleh itu, setiap perbelanjaan yang dilaksanakan, mestilah memberi nilai tambah secara langsung, kepada kualiti pengajaran, pembelajaran dan pengalaman pelajar.

Inisiatif kedua adalah **Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Kos.**

Bagi tahun 2026, tema pengurusan belanjawan ditetapkan sebagai aspirasi, bagi memastikan setiap pelaksanaan adalah selari dengan objektif UiTM. Tema yang telah dipilih adalah **“Belanjawan Mampan: Kebersamaan Diperkukuh, Akademia Diperkasa.”**

Tema ini mencerminkan falsafah dan prinsip pengurusan kewangan universiti yang menekankan keseimbangan antara keperluan semasa, kemampuan kewangan dan aspirasi akademik jangka panjang.

Belanjawan Mampan merujuk kepada pengurusan kewangan universiti yang berhemah, berimpak, dan berasaskan keutamaan. Jabatan Bendahari berperanan memastikan setiap perancangan, peruntukan, dan perbelanjaan dilakukan secara strategik, supaya sumber kewangan digunakan secara optimum, telus, dan berakauntabiliti, bagi menjamin kesinambungan operasi universiti, tanpa menjejaskan kualiti akademik.

Frasa kebersamaan diperkukuh, menekankan semangat kerjasama dan kolaborasi, dalam pengurusan kewangan. Dengan kebersamaan semua pihak merancang dan

melaksanakan belanjawan, penggunaan sumber dapat diperkemas, perkongsian aktiviti atau program dapat dipertingkat, dan seterusnya pembaziran dapat diminimumkan.

Akademia Diperkasa pula, merupakan matlamat belanjawan bagi memperkukuh misi akademik UiTM, melalui keberkesanan keputusan kewangan, peruntukan dan perbelanjaan yang digunakan, untuk menyokong kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran.

Slogan “Belanjawan Mampan: Kebersamaan Diperkukuh, Akademia Diperkasa” diterjemah menerusi pelaksanaan inisiatif berikut.

Memberi keutamaan kepada perbelanjaan yang benar-benar perlu (must have), penekanan kepada prinsip *value for money*, pengukuhan aktiviti perkongsian sumber serta penghapusan pembaziran dalam pelaksanaan program. Setiap ringgit yang dibelanjakan hendaklah memberi pulangan nilai yang terbaik kepada universiti.

Dalam usaha meningkatkan kecekapan pengurusan kos, sinergi dalam pelaksanaan tindakan antara Jabatan Bendahari dengan PTj seperti yang telah digariskan dalam Pekeliling Naib Canselor Bil. 8 Tahun 2025 – Garis Panduan Strategi Bajet Tahun 2026 adalah penting.

Sinergi antara Jabatan Bendahari dengan PTj, khususnya dalam pemantauan kos lantikan pensyarah sambilan, elaun lebih masa, dan perbelanjaan pejabat akan terus diperkasakan. Usaha pemantauan ini telah berjaya merekodkan penurunan belanja sebanyak 10.51% bagi kod-kod belanja wajib pada tahun 2025.

Semua peringkat perlu menggerakkan inisiatif amalan hijau. Ia dilaksanakan melalui penjimatan tenaga dan sumber, pendigitalan proses dan urusan pentadbiran, perkongsian sumber sedia ada, penggunaan *letterhead* secara berhemah bagi urusan

dalam, dan mengoptimumkan penggunaan fasiliti UiTM bagi semua program dan aktiviti.

Kepakaran dalaman akan dimanfaatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada perkhidmatan luar. Sebagai contoh, Bahagian Hartanah akan melaksanakan lantikan perunding dalaman menggunakan kepakaran warga universiti, khususnya dalam kerja-kerja pengurusan hartanah dan penilaian. Bagi tujuan ini, dasar lantikan perunding dalaman akan ditetapkan.

Pelaksanaan padanan kos dengan keperluan sebenar pula dapat mengelakkan ketidakcekapan penggunaan sumber. Seterusnya menyokong usaha ke arah pembangunan kampus hijau dan lestari.

Inisiatif ketiga adalah **Memperkasa Strategi Penjanaan Pendapatan bagi mencapai pendanaan yang mampan** dan berterusan.

Universiti tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada sumber sedia ada, sebaliknya perlu meneroka serta mengoptimumkan sumber pendapatan alternatif secara strategik dan berintegriti.

Pemeriksaan strategi penjanaan pendapatan ini adalah selaras dengan objektif UiTM ke-10, yang menekankan penjanaan pendapatan, serta pengurusan sumber dan kewangan secara cekap, telus, berintegriti dan efektif demi kelestarian UiTM.

Usaha menambah dana UiTM akan terus dipergiat melalui pemeraksanaan inisiatif sumber pendapatan alternatif melalui wakaf, endowmen, zakat dan sedekah, serta memperluas penglibatan alumni sebagai rakan strategik.

Sebagai pelengkap usaha penjanaan pendapatan, Jabatan Bendahari akan menganjurkan seminar atau kolokium. Selain menjadi sumber penjanaan pendapatan

dalam universiti, ia juga diharap menjadi platform jaringan strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan dan rakan strategik universiti.

Hadirin yang dihormati,

Pemerkasaan strategi **Pengukuhan Governan Penjanaan Pendapatan** ini akan direalisasikan melalui pelaksanaan tindakan berikut:

Pertama, meningkatkan **kecekapan strategi pengurusan hasil** melalui:

- peningkatan pulangan pelaburan tunai,
- pelaksanaan agihan hasil secara telus,
- pengurusan hasil bertanggung yang lebih sistematik dan efisien, dan
- pemantauan berterusan ke atas projek-projek di bawah kendalian tabung amanah PTj.

Peningkatan pulangan pelaburan, dilakukan melalui pengurusan aliran tunai yang berkesan, kepelbagaian instrumen dan portfolio pelaburan serta pemantauan kadar pulangan dan prestasi pelaburan yang diperkembangkan.

Agihan hasil secara telus dilaksanakan melalui dasar yang digariskan dalam pekeliling penstrukturan hasil. Mekanisme tadbir urus kewangan yang telus ini telah menyumbang secara langsung kepada pengukuhan prestasi kewangan universiti.

Usaha memperkukuh aliran tunai universiti perlu dipergiatkan, khususnya melalui kutipan hutang yang lebih efisien dan berkesan. Langkah ini selaras dengan ketetapan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2016 berkaitan pengurusan projek jangka pendek.

Oleh itu, Hasil bertanggung universiti perlu diuruskan dengan lebih sistematik dan efisien. Garis panduan pengurusan kutipan hasil bertanggung, penubuhan Jawatankuasa

Pemungut Hutang (JPH) serta pelantikan Syarikat Pemungut Hutang dan CTOS, akan terus mengukuhkan pemantauan dan pelarasan berkala.

Pada akhir tahun 2025, inisiatif ini telah berjaya meningkatkan pencapaian jumlah kutipan hasil tertunggak sebanyak 37.83% dengan pengurangan baki hasil tertunggak sebanyak 39.40%. Oleh itu, kita akan terus memperhebat usaha dan inisiatif bagi menguruskan hasil tertanggung universiti dengan lebih efisien.

Pemantauan berterusan ke atas projek-projek di bawah kendalian tabung amanah PTj juga perlu diperkemas bagi mengelakkan ketirisan dan pembaziran sumber. Saya ingin menegaskan bahawa setiap hasil yang dijana dan diagihkan kepada tabung-tabung amanah PTj, hendaklah diuruskan dengan berhemah bagi memastikan perbelanjaan operasi, dapat ditampung secara efektif.

Inisiatif kedua adalah **memperkuh tadbir urus pengewangan aset universiti, termasuk sewaan atau pajakan hartanah.**

UiTM mempunyai tanah, bangunan dan aset lain yang berpotensi untuk disewakan atau dipajakkan. Oleh itu, tata kelola sedia ada perlu ditambah baik supaya setiap proses dilaksanakan secara telus dan berintegriti.

Semakan semula kadar sewaan aset dan peralatan universiti, perlu dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan ia kekal kompetitif, setara dengan pasaran, dan berdasarkan penilaian semasa agar dapat dimanfaatkan secara optimum.

Ingin saya tegaskan, Unit Kewangan Zon dan kampus cawangan bertanggungjawab untuk membuat permohonan kepada Bahagian Hartanah bagi tujuan semakan ini.

Strategi ketiga adalah **Peluasan Digitalisasi Dalam Pengurusan Kewangan** yang mengandungi tiga inisiatif dalam pelaksanaannya.

Inisiatif pertama adalah **memperkuh digitalisasi melalui penambahbaikan sistem dan penggunaan AI.**

Digitalisasi kewangan akan diperkuh dengan menambah baik sistem sedia ada. Ia bagi memastikan proses kewangan lebih mesra pengguna, cekap dan berintegriti. Pengukuhan ini merangkumi integrasi sistem, aliran kerja yang lebih jelas, pengurangan proses manual, peningkatan kebolehkesanan transaksi serta ketepatan laporan kewangan. Antara sistem yang terlibat termasuk e-Trust, FINEBil dan JBNP.

Digitalisasi kewangan ini dijangka dapat membantu penyediaan laporan kewangan bulanan yang lebih cepat, dengan data yang tepat. Ia penting untuk membantu pihak pengurusan membuat keputusan secara cekap dan tepat, sekaligus menyokong tadbir urus kewangan yang amanah dan berkesan.

Dengan kepesatan teknologi, penggunaan kecerdasan buatan (AI) dapat mempertingkatkan produktiviti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kewangan. Saya yakin tuan/puan telah mahir menggunakan pelbagai aplikasi AI dalam tugas harian, contohnya dalam penyediaan draf surat atau kertas kerja.

Selain menjimatkan masa, ia juga meningkatkan keberkesanan perkhidmatan secara menyeluruh. Namun, kita perlu ingat bahawa AI tidak sempurna. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyemak dan memberikan input bagi memperbaiki kandungan draf yang disediakan. Teknologi boleh membantu mempercepatkan proses, tetapi sentuhan dan nilai kebijaksanaan manusia tetap tidak terganti.

Inisiatif kedua adalah **memperkasa tadbir urus dan keselamatan digital.**

Sistem digital yang menyimpan data kewangan dan maklumat terdedah kepada risiko ancaman siber. Inisiatif ini menekankan pengukuhan rangka tadbir urus digital,

pematuhan kepada dasar dan standard keselamatan maklumat, serta pengurusan risiko yang berkesan.

Ini adalah kerana, pengurusan kewangan yang beramanah menuntut sistem digital bukan sahaja untuk menjadi cekap, malah selamat dan berintegriti.

Inisiatif ketiga pula adalah **mengukuhkan kompetensi digital warga** Jabatan Bendahari.

Pengukuhan kompetensi digital warga adalah inisiatif strategik jangka panjang kerana ia berkait rapat dengan amanah, kecekapan dan kelestarian. Selain daripada latihan berfokus dan berperingkat, pembelajaran sendiri secara berterusan (microlearning) atau perkongsian pengetahuan dari pakar dalaman adalah digalakkan.

Hadirin yang dihormati,

Fokus kedua, pengukuhan **Governan dan Kepimpinan** mengandungi 3 strategi dalam pelaksanaannya.

Strategi pertama, **Melahirkan Pemimpin Unggul** adalah penting untuk memastikan kesinambungan tadbir urus, kestabilan organisasi serta kesiapsiagaan universiti dalam mendepani cabaran semasa dan masa hadapan.

Dalam tempoh 6 hingga 10 tahun akan datang, barisan kepimpinan yang berada di hadapan tuan/puan hari ini akan mencapai usia persaraan. Tuan-tuan dan puan-puanlah yang akan mengambil alih kepimpinan dan meneruskan kecemerlangan jabatan. Oleh itu, pembangunan kepimpinan pelapis perlu dilaksanakan secara terancang, berstruktur dan berfokus melalui beberapa inisiatif.

Pertama, **pelaksanaan program mentoring bersasar** seperti *Executive Mentoring* dan sesi *job shadowing* bagi membangunkan bakat kepimpinan dalam kalangan staf berpotensi tinggi.

Kedua, pembangunan **Pelan Penggantian Berstruktur** atau *Structured Succession Planning*, bagi memastikan kesinambungan kepimpinan dan kelancaran operasi organisasi tidak terjejas akibat persaraan, pertukaran atau kekosongan jawatan kritikal.

Jawatankuasa Penstrukturan Jabatan Bendahari akan melaksanakan semakan dan penstrukturan perjawatan bagi mengenal pasti jawatan kritikal dan strategik, menyenaraikan calon pelapis berdasarkan kompetensi, pengalaman dan potensi, seterusnya menyediakan pelan pembangunan individu bagi setiap calon pengganti. Antara program yang boleh dilaksanakan termasuklah *talent mapping*, *talent pool* dan *job attachment* dengan agensi luar sebagai pendedahan dan pengalaman kepimpinan.

Pelan Pemantapan Kepimpinan juga akan dibangunkan sebagai kerangka menyeluruh untuk memperkukuh keupayaan kepimpinan, kecekapan pengurusan dan pemikiran strategik dalam kalangan barisan pengurusan kanan dan calon-calon yang berpotensi.

Modul kepimpinan yang berfokus kepada amanah, integriti, tadbir urus, pengurusan perubahan dan kepimpinan berprestasi tinggi akan dibangunkan. Sebagai contoh, program latihan, seminar dan program kepimpinan strategik dan berimpak tinggi akan dilaksanakan melalui kerjasama dengan INTAN, Jabatan Akauntan Negara, AKEPT, ILD dan MIA. Penilaian kompetensi dan kepimpinan secara berkala juga dilaksanakan untuk memastikan pembangunan kepimpinan berjalan secara berstruktur dan berkesan.

Inisiatif ketiga ialah **melahirkan pakar rujuk mengikut bidang kepakaran atau *Subject Matter Expert (SME)***. SME berperanan sebagai rujukan utama dalam pembuatan keputusan serta penyelesaian isu-isu kompleks. Antara bidang atau fungsi utama yang

memerlukan SME termasuklah perakaunan, perolehan, pengurusan aset, pelaburan, endowmen, emolumen dan sistem kewangan.

Setiap warga Jabatan Bendahari berpeluang menjadi pakar rujuk dalaman. Sistem pengurusan pengetahuan atau *Knowledge Management* boleh dilaksanakan dengan mendokumentasikan pengalaman dan amalan terbaik, pengetahuan serta strategi yang terbukti berkesan.

Strategi kedua, **Pemantapan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan** mengandungi 3 inisiatif pelaksanaan.

Inisiatif pertama, **memperkasa peranan sebagai penasihat kewangan**. Ia adalah kesinambungan inisiatif tahun 2025. Warga perlu lebih proaktif dan meningkatkan sesi libat urus dan taklimat. Ia bertujuan untuk memastikan PTj dan pihak berkepentingan mendapat panduan yang tepat serta memahami aspek perancangan dan pengurusan kewangan.

Inisiatif kedua adalah **meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kewangan melalui tadbir urus tangkas dan reformasi budaya kerja**.

Untuk memantapkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, tadbir urus yang tangkas dan reformasi budaya kerja secara menyeluruh perlu diterapkan, bersesuaian dengan perubahan teknologi semasa.

Contohnya, pelaksanaan mesyuarat yang berfokus dan sistematik; memberi layanan mesra terhadap pelanggan serta mengamalkan penjimatan tenaga dan sumber. Amalan hijau dalam pentadbiran, seperti proses kerja digital serta pengedaran surat dan memo secara elektronik, perlu diperkasa. Ke arah jangka panjang, peralihan kepada operasi sepenuhnya dalam talian boleh dilaksanakan untuk menyokong usaha kecekapan pengurusan kos.

Selanjutnya, inisiatif ketiga adalah **meneruskan strategi inklusiviti melalui inisiatif Bank of Ideas Jabatan Bendahari.**

Mengapa inisiatif *Bank of Ideas* ini perlu kita perkasakan?

Pertama, ia mewujudkan budaya inklusif dan keterlibatan warga. Setiap warga diberi ruang untuk menyumbang idea, pandangan dan cadangan penambahbaikan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam lapangan tugas masing-masing.

Kedua, ia menjadi pemangkin kepada inovasi dan penambahbaikan berterusan yang dapat menyokong transformasi dan kesiapsiagaan universiti menghadapi perubahan.

Ketiga, ia adalah simbol keterbukaan pengurusan dan kepimpinan terhadap pandangan warga yang dapat memperkukuh komunikasi dua hala dan ketelusan. Keharmonian ini dapat meningkatkan penglibatan dan rasa memiliki setiap warga seterusnya meningkatkan motivasi, komitmen, dan rasa kebersamaan dalam kejayaan jabatan.

Strategi ketiga ialah **Ketampakan atau *Visibility***. Strategi ini bukan sahaja memperkukuh peranan jabatan sebagai penyampai perkhidmatan kewangan, tetapi juga sebagai rakan strategik yang berwibawa dan diyakini oleh seluruh warga universiti serta pemegang taruh.

Inisiatif **komunikasi dan hebahan akan diperkasa melalui pelbagai platform, khususnya media elektronik**. Antaranya, pelaksanaan siri **perkongsian kepakaran kewangan berasaskan podcast, penerbitan artikel, bahan bacaan atau buletin berindeks**.

Pendekatan ini dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran PTj serta pihak luar, berkaitan peranan, fungsi dan inisiatif kewangan universiti. Sekaligus menjadi strategi

serampang dua mata kepada inisiatif pemerkasaan peranan penasihat kewangan yang lebih diyakini.

Oleh itu, **bina dan perkukuhkanlah *networking*** tuan/puan dengan institusi kewangan dan perbankan, Jabatan Akauntan Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Ia amat penting bagi memperluas kolaborasi, memperkukuh kerjasama serta memudahcara urusan kewangan.

Warga Jabatan Bendahari yang saya kasihi,

Fokus ketiga yang ingin saya tekankan dalam amanat kali ini, adalah **Kecemerlangan Modal Insan**.

Saya percaya bahawa kekuatan sebenar jabatan Bendahari tidak hanya terletak pada sistem dan prosedur. Tetapi juga pada warga yang amanah, berkompentensi tinggi, berintegriti serta sihat dan sejahtera.

Tiga strategi yang akan kita laksanakan adalah **Pengukuhan Pembudayaan Integriti, Pengukuhan Kompetensi Warga dan Peningkatan Kesejahteraan Warga**.

Strategi pertama di bawah fokus ketiga ini adalah **Pengukuhan Pembudayaan Integriti**.

Inisiatif pertama **untuk membudayakan nilai** di kalangan warga Jabatan Bendahari adalah teras pembentukan warga yang berkualiti. Penghayatan terhadap **konsep Malaysia MADANI serta penerapan nilai ESI, iDART, ADAB, BUDI dan semangat patriotisme** akan terus diperkukuh. Ia dapat membentuk warga yang bukan sahaja cekap, tetapi juga amanah, bertanggungjawab, berintegriti serta berjiwa besar dengan rasa kecintaan terhadap Universiti dan negara.

Program-program berkaitan akan terus dianjurkan bagi meningkatkan tahap integriti

warga. Ini adalah kerana Jabatan Bendahari memandang serius usaha membanteras ketirisan dan salah guna kuasa.

Pelaksanaan penggiliran staf secara berstruktur juga akan diteruskan sebagai mekanisme kawalan dalaman. Pendekatan ini berperanan sebagai medium pembangunan kompetensi dan pelaksanaan silang fungsi yang memperkayakan pengalaman dan kemahiran warga.

Inisiatif kedua ialah, **memperkukuhkan budaya kerja berintegriti melalui pelaporan tugas harian secara berstruktur.**

Jabatan Bendahari Shah Alam telah melaksanakan pelaporan tugas harian melalui sistem *timesheet* berkuat kuasa 1 Januari 2026. *Timesheet* bukan sekadar rekod tugas harian, ia adalah platform pemantauan prestasi kerja oleh ketua jabatan dan penilaian integriti sendiri warga.

Lebih daripada itu, saya suka untuk merujuk penggunaan *timesheet* ini sebagai alat bantu untuk kita dalam **BERAMANAH DENGAN MASA KERJA**. Sehubungan itu, peluasan pelaksanaan kaedah ini adalah digalakkan kepada seluruh Jabatan Bendahari Kampus Cawangan.

Strategi kedua ialah **Pengukuhan Kompetensi Warga** yang memberi penekanan kepada anjakan nilai tugas, peningkatan produktiviti serta pemerksaan keupayaan sendiri.

Inisiatif pertama yang akan dilaksanakan adalah **mempelbagaikan program pembangunan kompetensi yang merangkumi nilai tugas, kemahiran baharu dan peningkatan produktiviti.**

Program pembangunan digital seperti e-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA), latihan

INTAN serta pemantapan prosedur dan proses kerja selaras dengan pelaksanaan prosedur ISO baharu akan dilaksanakan bagi memperkukuh pengetahuan, kemahiran dan keupayaan.

Penggunaan teknologi secara menyeluruh perlu terus diperkasa bagi meningkatkan kompetensi ICT. Ketua-ketua Bahagian perlu memastikan inovasi dan penambahbaikan proses kerja dapat dilaksanakan secara berterusan, dengan mematuhi semua peraturan serta prinsip tadbir urus yang baik. Termasuk peralihan daripada proses manual kepada sistem digital dan dalam talian.

Selain itu, peluang latihan industri atau penempatan (*attachment*) juga akan dimanfaatkan sebagai medium pembelajaran berasaskan pengalaman dan perkongsian kepakaran.

Inisiatif kedua adalah **memperkasa kemahiran komunikasi**. Antara langkah yang akan dilaksanakan ialah meneruskan program taklimat dan perkongsian Pekeliling Bendahari. Untuk tempoh ke hadapan, kita akan meneroka peluang untuk mengembangkan pendekatan ini melalui platform digital seperti podcast atau media sosial lain yang lebih sesuai.

Inisiatif ketiga adalah **galakan pendaftaran dengan badan profesional bagi meningkatkan profesionalisme warga**.

Bagi staf yang belum berdaftar, penyertaan dalam kursus atau latihan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) adalah digalakkan sebagai persediaan ke arah pensijilan profesional.

Inisiatif keempat adalah **pelaksanaan pengukuran, pemantauan dan penilaian prestasi secara sistematik**. Ia dilaksanakan melalui mekanisma yang jelas, penetapan KPI, serta pelaksanaan program penganugerahan, pengiktirafan dan penghargaan.

Warga Jabatan Bendahari yang saya kasihi sekalian,

Strategi Ketiga di bawah Fokus Kecemerlangan Modal Insan adalah **Peningkatan Kesejahteraan Warga** dengan tiga inisiatif pelaksanaan.

'Health is Wealth'. Saya amat menitikberatkan kesihatan fizikal dan mental setiap warga jabatan. Tuan/puan digalakkan menjalani ujian psikologi dan saringan mental dalam talian yang dianjurkan boleh Pusat Psikologi & Kaunseling UiTM.

Pemeriksaan kesihatan berkala terutama bagi warga yang telah mencapai usia 40 tahun ke atas juga adalah penting. Inisiatif pertama, **Warga Sihat, Jabatan Bendahari Hebat** ini akan diteruskan sebagai usaha menyokong keseimbangan fizikal, mental dan emosi seluruh warga jabatan.

Hadirin sekalian,

Semangat kebersamaan tidak terbina secara spontan. Ia **diperkukuh melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti** terancang, inklusif dan berteraskan nilai bersama.

Bagi inisiatif kedua ini, saya berharap aktiviti berkala seperti senaman berkumpulan, briskwalk santai, ceramah kesihatan mental, kursus pengurusan tekanan serta sokongan emosi dapat dilaksanakan sebagai satu budaya di Jabatan Bendahari. Selain meningkatkan kesihatan dan kecergasan, inisiatif ini turut memperkukuh ikatan emosi, kepercayaan dan keharmonian sesama warga.

Selain itu, **pengiktirafan terhadap sumbangan dan penglibatan warga** yang mewakili Jabatan Bendahari sebagai inisiatif ketiga di bawah fokus terakhir ini, akan terus diperkasa, sebagai tanda penghargaan dan motivasi, untuk terus mengharumkan nama jabatan.

Warga Jabatan Bendahari yang saya kasihi,

Amanah bukan sekadar nilai. Ia teras kepada setiap aspek kehidupan. Dalam konteks kita di Jabatan Bendahari, ia adalah teras kepada kepimpinan kewangan yang berintegriti dan berwibawa. Setiap tindakan, pelaksanaan dan keputusan yang kita uruskan, adalah tanggungjawab, yang akan dipersoalkan, di dunia dan di akhirat.

Marilah kita jadikan amanah, sebagai kompas dalam setiap tindakan. Berani membuat keputusan berlandaskan peraturan dan undang-undang, telus dalam pengurusan sumber, cekal mempertahankan integriti walaupun berdepan pelbagai cabaran.

Amanah, memacu kecemerlangan modal insan.

Amanah, memperkukuh governan dan kepimpinan.

Amanah, merealisasikan kemampanan kewangan UiTM!

Selagi amanah menjadi teras ketiga-tiga fokus amanat pada tahun ini, insya-Allah, Jabatan Bendahari akan terus berupaya untuk memastikan pengurusan kewangan yang mampan dan lestari. Agar UiTM terus teguh berdiri sebagai benteng harapan anak bangsa.

AMANAHAH, TERAS KEPIMPINAN KEWANGAN!

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.